

Headline	Tiga kerusi ditanding BN Perak panas
Date	29. Feb 2008
Media Title	Berita Harian
Section	Nasional
Circulation	217991
Readership	762968
Language	MALAY
Page No	27
Article Size	487 cm²
Frequency	Daily
Color	Full Color



Tiga kerusi ditanding BN Perak panas

Tajol Rosli yakin calon Parlimen Parit Buntar, DUN Changkat Jong, Gunung Semanggol menang



PERFAHAMAN: Tajol Rosli (dua dari kanan) menyaksikan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, Datuk Dr Abd Rahman Hashim (dua dari kiri) dan Naib Canselor UPM, Datuk Dr Nik Mustapha R Abdullah bertukar dokumen MoU penubuhan pusat penyelidikan biodiversiti di Lembah Belum di Ipoh, semalam.

IPOH: Umno Perak mengenal pasti tiga kerusi panas, satu Parlimen dan dua Dewan Undangan Negeri (DUN) di negeri ini pada pilihan raya umum kali ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohd Tajol Rosli Ghazali, berkata tiga kerusi berkenaan yang diwakili calon Umno adalah Parlimen Parit Buntar, DUN Changkat Jong dan DUN Gunung Semanggol.

Beliau yang juga Pengurus Badan Perhubungan Umno negeri berkata, berdasarkan laporan diterima, ketiga-tiga kawasan berkenaan bakal dibentangkan sengit calon pembangkang.

"Sehubungan itu, saya mahu jentera Umno dan Barisan Nasional (BN) di kawasan terbatas bekerja lebih kuat bagi meraih sokongan pengundi dan seterusnya memastikan kemenangan BN."

"Umno Perak yakin jika usaha berterusan dilakukan di kawasan ter-

babit, BN mampu menang di kawasan itu," katanya, di sini, semalam.

Beliau memberitahu pemberita demikian selepas menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman antara Kerajaan Perak dan Universiti Putra Malaysia (UPM) bagi penubuhan Pusat Biodiversiti dan Bioteknologi di Lembah Belum.

Mengenai prestasi calon komponen BN lain, Tajol Rosli yang juga Pengurus BN Perak berkata, sehingga ini beliau belum menerima laporan berhubung perkara itu dan percaya laporan terkini membabitkan komponen BN akan diterima dalam masa terdekat.

Beliau juga yakin calon BN Parlimen Grik, Datuk Tan Lian Hoe, yang juga Ketua Wanita Gerakan dapat diterima pengundi di kawasan

terbatas.

Tan sepertutnya bertanding di kerusi tradisi Gerakan di Parlimen Taiping, tetapi berpindah ke Parlimen Bukit Gantang pada Pilihan Raya Umum 2004 dan pilihan raya kali ini beralih pula ke Parlimen Grik, bagi memberi laluan kepada Presiden Parti Progresif Penduduk (PPP), Datuk M Kayeas kekal bertanding di Parlimen Taiping.

Tajol Rosli berkata, beliau sudah berjanji kepada pemimpin Gerakan Taiping, bahawa kerusi Taiping akan kembali kepada Gerakan pada pilihan raya umum akan datang.

Mengenai MIC, Tajol Rosli berkata, pengundi India perlu terus memberi sokongan kepada calon MIC untuk memastikan kesinambungan kepemimpinan kaum berkenaan dalam kerajaan negeri dan Putrajaya.

Beliau berkata, jika pengundi India tidak menyokong MIC disebabkan terpedaya dengan hasilutan yang dibuat oleh Barisan Bertindak Hak-Hak Hindu (Hindraf), kaum India kemungkinan tidak akan ada wakil dalam kerajaan.

"Sebagai contoh, pada 1969 apabila pengundi Cina tidak mengundi calon MCA dan MCA kalah teruk, pemimpin mereka tidak mahu menyertai kerajaan kerana malu tidak mendapat sokongan sebahagian besar orang Cina."

Saya mahu jentera Umno dan Barisan Nasional bekerja lebih kuat bagi meraih sokongan pengundi"

Mohd Tajol Rosli Ghazali
Menteri Besar